



Ruj.Kami : Prk.ML 34/40-2 J10.9 ( 4 )  
Tarikh : 28 November 2012

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato'/Tuan,

### **PENYELARASAN SURAT KELULUSAN DI PERINGKAT PPN BAGI GANTI KULIT DAN GANTI ENJIN VESEL**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.H. Dato'/Tuan, Bahagian ini mendapati terdapat ketidakseragaman surat kelulusan yang dikeluarkan oleh PPN bagi ganti kulit dan ganti enjin vesel terutamanya dari segi tempoh kelulusan bagi ganti kulit vesel (bina baru) dan ganti enjin vesel, had muatan (GRT) serta had kuasa kuda enjin vesel. Sehubungan itu, Bahagian ini telah menetapkan agar semua PPN mematuhi syarat-syarat dan garis panduan sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan.

3. Merujuk kepada Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan berhubung ganti kulit vesel dan ganti enjin vesel adalah seperti berikut:

#### **3.1 Ganti Kulit (Bina Baru)**

3.1.1 Had muatan (GRT) bagi ganti kulit vesel penangkapan ikan adalah seperti berikut:

Bil.	Muatan Asal (GRT)	Had Maksima Muatan Baru (GRT)
1.	< 40	35
2.	40 - < 70	65
3.	70 dan ke atas	70 dan ke atas

3.1.2 Tempoh kelulusan bagi ganti kulit vesel (bina baru) di dalam negara adalah seperti berikut:

- i. Di dalam permit kelulusan, tempoh untuk menyiapkan adalah dalam masa dua belas (12) bulan, namun pelanjutan tempoh dibenarkan selama enam (6) bulan sebanyak tiga (3) kali maksimum.
- ii. Sekiranya vesel tidak dapat disiapkan di dalam tempoh tersebut, maka kelulusan akan **TERBATAL** dengan sendirinya.
- iii. Kelulusan pelanjutan tempoh ganti kulit oleh PPN.

### 3.2 Ganti Enjin Vesel

3.2.1 Had kuasa kuda enjin untuk vesel adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Peralatan/Vesel	Muatan (GRT)	Had Maksima Kuasa Kuda (K.K)
1.	Peralatan Tradisional	Ke bawah 25 25 & ke bawah 40	200 300
2.	Peralatan Komersil	< 20 20 – 39.9 40 – 69.9 70 ke atas	200 300 500 Tiada Had
3.	MPPI	< 40	<250
4.	Kenka 2 Bot	< 10	< 200
5.	Tuna (C3)	Tiada Had	Tiada Had
6.	Tangguk Tunda Siput Retak Seribu	10 ke atas < 10	200 120

3.2.2 Tempoh kelulusan bagi ganti enjin vesel adalah seperti berikut:

- i. Tempoh masa bagi menyiapkan ganti enjin vesel ditetapkan enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan dan pelanjutan tempoh yang dibenarkan adalah tiga (3) bulan sahaja.
- ii. Sekiranya enjin vesel tidak dapat diganti di dalam tempoh tersebut, maka kelulusan akan **TERBATAL** dengan sendirinya.
- iii. Kelulusan pelanjutan tempoh ganti enjin oleh PPN.

4. Segala Kerjasama dan tindakan oleh Y.H. Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HJ. JOHARI BIN RAMLI)**

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber  
b.p Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
Ibu Pejabat Perikanan  
**PUTRAJAYA**

Az/GK&GE

s.k

Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Pengarah Bahagian Kejuruteraan

Ketua Cawangan Pengurusan Sumber Marin

Ketua Cawangan Pelesenan